

30/09/1999

Barat pula akur rekod kejayaan negara

UCAPAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis makan tengah hari anjuran Majlis Perhubungan Luar Amerika di New York kelmarin jelas menunjukkan pendirian dan sikap tegas kerajaan serta Barisan Nasional (BN) yang memerintah Malaysia mengenai pentadbiran dan masa depan negara ini.

Beliau yang menghuraikan perkara ini dengan panjang lebar mahu masyarakat antarabangsa khususnya Amerika mengetahui dan memahami wawasan dan tugas berat yang dilaksanakan kerajaan untuk merealisasikan wawasan negara demi kepentingan rakyat di sebuah negara yang merdeka sejak 42 tahun lalu.

Usaha merealisasikan wawasan rakyat dan negara Malaysia bukan suatu tugas yang mudah atau boleh dipandang ringan, malah ia terpaksa difikirkan secara mendalam dengan membuat pertimbangan yang bijak serta matang. Usaha mencapai cita-cita murni ini perlu menghadapi pelbagai cabaran yang hebat sama ada dari dalam dan luar negara termasuk negara Barat.

Seperti yang diketahui, apa juga usaha yang dijalankan kerajaan pimpinan Dr Mahathir akan mendapat perhatian daripada dunia Barat, khususnya media asing kerana pemimpin Malaysia begitu lantang menyuarakan sesuatu isu dunia termasuk yang menyentuh kewibawaan Barat.

Dunia mula membuka mata apabila melihat Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun mencapai kejayaan dan kemajuan pesat dalam pelbagai bidang, terutamanya politik dan ekonomi. Apa juga yang disuarakan Perdana Menteri di forum antarabangsa selama ini terbukti benar dan berasas. Ramai juga ingin tahu apakah sebenarnya rahsia kejayaan Malaysia yang diperintah menerusi gabungan 14 parti politik dan mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan.

Ucapan Dr Mahathir kelmarin menceritakan rahsia atau formula kejayaan Malaysia selama ini sama ada di bidang politik atau ekonomi. Untuk mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan, Malaysia terpaksa memberi tumpuan kepada tiga keutamaan, iaitu:

- * mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu daripada rakyat pelbagai kaum, agama dan kebudayaan,

- * menentukan Malaysia terus bersikap progresif dan liberal dalam pandangan serta dasar dalam dan luar negara dan

- * menentukan rakyat Malaysia boleh terus aman dan makmur serta berada dalam keadaan harmoni dan stabil setiap masa.

Hasil daripada tumpuan ini Malaysia kini menikmati kestabilan politik yang membolehkannya melaksanakan pelbagai projek untuk rakyat tanpa sebarang gangguan.

Begitu juga di bidang ekonomi, Malaysia juga mempunyai tiga keutamaan iaitu reformasi struktur dalaman, kestabilan ringgit dan reformasi kewangan antarabangsa. Pelaksanaan keutamaan ini terbukti memberi kesan positif yang menakjubkan sesetengah kalangan antarabangsa dan Malaysia kini berjaya keluar daripada kegawatan ekonomi untuk menuju pemulihan ekonomi yang dikehendaki. Kejayaan Malaysia ini dikagumi beberapa negara lain terutama mereka yang terkena kesan teruk akibat kegawatan yang melanda rantau ini pertengahan 1997 lalu.

Walaupun Malaysia mencapai kejayaan yang dianggap luar biasa, masih ada pihak, terutamanya negara Barat, yang sangsi dengan kejayaan ini. Malah, mereka secara terus menerus mengecam dasar dan usaha kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat dan negara.

Mereka masih memberi perhatian dan sokongan kepada isu yang dibangkitkan parti pembangkang yang sentiasa mencari kesalahan dan kelemahan kerajaan untuk memburuk-burukkan kepemimpinan Dr Mahathir dan BN. Barat ingin membantu parti pembangkang mencapai cita-cita politik mereka untuk menggantikan kerajaan sedia ada dengan kerajaan gabungan alternatif parti pembangkang terdiri daripada Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Dalam menghadapi isu seperti ini, Dr Mahathir mengajak masyarakat antarabangsa, khususnya Amerika, secara ikhlas dan benar memberi sokongan kepada pihak yang sentiasa berusaha menjamin keamanan dan kemakmuran serta mengekalkan perpaduan antara rakyat pelbagai kaum demi memastikan Malaysia, rantau Asean dan dunia keseluruhannya terus menikmati keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Wawasan dan usaha ke arah ini hanya terbukti dapat dilakukan oleh kerajaan BN.

Mereka hendaklah akur dengan rekod kejayaan dan pencapaian Malaysia. Walau pun diakui memang wujud masalah, tetapi ia adalah perkara biasa.

Janganlah hanya melihat kelemahan yang tidak setimpal dengan kejayaan yang sudah pun ditempa di negara ini.

(END)